



Ruj. Kami : ANM.NS.600-2/6/1 (5)
Tarikh : 04 April 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

PENGESAHAN LAPORAN SUSUTNILAI BULANAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan, larian susutnilai berpusat bagi bulan **Mac 2022 (Period 3)** telah selesai dijana oleh pihak Unit Perakaunan Aset & Inventori Persekutuan, Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Sehubungan dengan itu, semakan caj susutnilai bagi aset di bawah PTJ YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan perlu dilakukan supaya Laporan Susutnilai Bulanan oleh setiap PTJ adalah tepat.

3. Mohon kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memberi maklumbalas dengan melengkapkan **Borang Pengesahan Laporan Susut Nilai** serta melampirkan **Laporan Ringkasan Susutnilai (ZWDAAR040)** dalam **bentuk PDF** secara *softcopy* melalui emel teamupans@gmail.com selewat-lewatnya pada **11 April 2022 (Isnin) jam 5.00 petang.**

4. Bersama-sama ini disertakan lampiran Tatacara Semakan Susutnilai Bulanan, Laporan Susut Nilai (AFBP), Paparan *general ledger* (FAGLL03) dan Borang Pengesahan Laporan Susut Nilai untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(HALIZATUL SAFIZAH BINTI ABDUL SEMAT c.A. (M))
b.p Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan